

# REHDA harap BNM longgar syarat pinjaman rumah

➔ Hartanah dianggap komoditi tingkat nilai

Oleh Nasuha Badrul Huzaini  
nasuha@bh.com.my

**P**ersatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) berharap Bank Negara Malaysia (BNM) dapat memberi sedikit kelonggaran terhadap kriteria pinjaman perumahan.

Presidennya, Datuk Seri FD Iskandar, berkata ia berikutan pembelian hartanah dianggap sebagai komoditi yang boleh mencatat peningkatan nilai pada masa hadapan.

## Peningkatan nilai

Katanya, berbanding pinjaman yang diberikan untuk pembelian aset lain yang mengalami kemerosotan nilai, 99.99 peratus aset hartanah yang dibeli akan mengalami peningkatan nilai.

“Kami sedar nilai hutang isi rumah penduduk di negara ini agak tinggi pada masa ini. Justeru, kami mohon BNM dapat mempertimbangkan kelonggaran kepada pembeli hartanah yang berpotensi,” katanya pada sidang media selepas Majlis Rumah Terbuka anjuran REHDA di Kelana Jaya, semalam.

Lebih 300 tetamu menghadiri majlis berkenaan dan mereka terdiri daripada penghuni rumah anak yatim, ahli REHDA dan juga penggiat industri.

Mengulas lanjut, FD Iskandar berkata, pada masa ini jumlah populasi penduduk di kawasan Greater KL adalah sekitar 7.5 juta.

Katanya, jumlah itu dijangka bertambah menjadi 10 juta menjelang 2020, dengan pergerakan penduduk masuk ke kawasan berkenaan didorong oleh faktor pekerjaan, pendidikan dan beberapa faktor lain.

## Tanggung pelbagai kos tinggi

“Jadi, kita perlu sediakan rumah untuk mereka. Pemaju perumahan mahu membina kediaman mampu milik, tetapi kami perlu menanggung pelbagai kos yang semakin tinggi.

“Umpamanya, harga tanah yang semakin meningkat, kos buruh, kos pembinaan dan levi ke atas bahan besi yang semakin meningkat.

“Jika usaha untuk membina rumah mampu milik betul-betul mahu dilakukan, semua pihak termasuk Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan perlu memberikan kerjasama sebaiknya,” katanya.



## REDHA

BNM diminta  
longgar syarat  
pinjaman rumah  
**Ms.B4**



[ FOTO ASYRAF HAMZAH / BH ]

**FD Iskandar bersama penghuni Rumah Aman** pada Majlis Rumah Terbuka anjuran REHDA di Kelana Jaya, semalam.

### Info

→ Sehingga kini, ahli REHDA membina lebih empat juta unit kediaman dan menyumbang lebih RM20 bilion setahun kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.